



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul "Berpanas, Berhujan Tunggu Bas" yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 28 Disember 2009.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak PPj sememangnya telah merancang untuk membina perhentian bas berbumbung sepanjang Persiaran Perdana. Kerja-kerja untuk membina 10 buah perhentian bas di Persiaran Perdana kini di peringkat penilaian tender. Kerja-kerja berkaitan dijangka akan dimulakan pada bulan Februari 2010. Memandangkan 'frame' perhentian bas tersebut dibina dikilang, kerja-kerja di tapak akan mengambil masa dan dijangka akan siap secara berperingkat-peringkat daripada bulan Mei hingga Ogos 2010.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

( ZAHARAH SALAMAT )

**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 30 Disember 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA -  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian  
Segmen : Sentral  
M/s : 3  
Tarikh : 28 Disember 2009

## Berpanas, berhujan tunggu bas

Oleh Siti A'isyah Sukaimi  
bhnews@bharu.com.my

**P**UTRAJAYA: Lebih 10 lokasi bas mengambil dan menurunkan penumpang di sepanjang Persiaran Perdana, Presint 2, di sini, yang tidak berbumbung menyebabkan orang ramai terpaksa berpanas atau berhujan ketika menggunakan perkhidmatan itu.

Kedua-dua menjadi lebih teruk ketika hujan lebat kerana orang ramai terpaksa menggunakan payung untuk menunggu bas di situ atau berteduh di kaki lima pejabat dan berlari ke bahu jalan apabila bas tiba.

Tinjauan *Sentral* mendapati hentian bas berkenaan hanya mempunyai bangku tetapi

### Hentian di sepanjang Persiaran Perdana, Presint 2 tiada bumbung, sukarkan pengguna

tidak berbumbung untuk orang ramai berteduh.

Beberapa penumpang yang ditemui berkata, lokasi itu tidak boleh dinamakan perhentian bas kerana ia hanya ada bangku tetapi tidak berbumbung walaupun diletakkan papan tanda bertulis 'perhentian bas'.

Kakitangan swasta, Shakirah Mohd Shaari, 24, berkata ketika hujan lebat, orang ramai akan menunggu bas di tempat teduh yang terletak beberapa meter di belakang perhentian bas terbabit untuk mengelak

daripada basah.

"Jarak yang jauh menyukarkan penumpang mengecam laluan bas yang datang mengambil penumpang di sini," katanya.

Norhazmirawaty Sakeri, 27, berkata beliau sering terlepas bas ketika menggunakan hentian itu pada waktu hujan kerana terpaksa berteduh agak jauh dari bahu jalan.

"Jika hujan lebat dan berpetir, saya akan menunggu di kawasan kaki lima pejabat dahulu sehingga hujan reda dan selalu terlepas bas untuk

**“**Jarak yang jauh menyukarkan penumpang mengecam laluan bas yang datang mengambil penumpang di sini”

**Shakirah Mohd Shaari**  
Kakitangan swasta

ke rumah," katanya yang terpaksa menunggu bas di hentian seberang jalan tempat dia bekerja.

Sementara itu, Norhuda Mohd Tahir, 21, mencadangkan pihak berkuasa menyediakan tempat menunggu bas yang lebih selesa untuk orang ramai.

"Saya berharap pihak terbabit dapat membina bumbung di perhentian bas ini untuk membolehkan penumpang berteduh daripada hujan atau panas terik ketika menunggu bas.

Beliau berkata, kemudahan seperti itu penting jika pihak berkuasa mahu menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan bas di Putrajaya.